

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
Kempen “CIMB OCTO Cash ‘n’ Gold 2026”

Tempoh Kempen

1. Kempen “CIMB OCTO Cash ‘n’ Gold 2026” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad (197201001799 (13491-P)) (“**CIMB**”).
2. Kempen akan bermula pada **1^{hb} Februari 2026 pada jam 00:01 (GMT+8)** dan tamat pada **31^{hb} Mei 2026 pada jam 23:59 (GMT+8)**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi selama tujuh (7) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Semua pelanggan CIMB aktif baharu dan sedia ada akan layak menyertai Kempen ini (“**Peserta Layak**”). Peserta Layak mesti mempunyai akaun Semasa atau Simpanan CIMB atau akaun Semasa atau Simpanan Islamik CIMB (“**CASA-i**”) yang berdaftar dengan CIMB untuk kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks (“**Akaun Penyertaan**”).
5. Kategori orang/entiti yang berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini: -
 - a. Kakitangan atau pekerja tetap, kontrak dan/atau sementara CIMB (termasuk subsidiary dan syarikat berkaitannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu, pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik); dan/atau
 - b. Pelanggan perusahaan kecil dan sederhana/perbankan perusahaan/komersial dan korporat seperti yang ditentukan oleh CIMB, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi amal/bukan keuntungan, persatuan dan perkongsian profesional; dan/atau
 - c. Pelanggan yang diisytiharkan sebagai bankrap atau telah digulung, atau sebaliknya mempunyai prosiding perundangan dalam apa jua sifat yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
 - d. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.
6. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan merepresentasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak jatuh dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

Hadiah

7. Hadiah berikut akan disediakan kepada pemenang Kempen ini: -

Kategori Hadiah	Hadiah	Jumlah Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	eEmas 20g	1 pemenang
Hadiah Saguhati	RM1,000 Hadiah Tunai	12 pemenang
Hadiah Pengguna Baharu QR	Pulangan Tunai RM5	30,000 pemenang
Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut	Pulangan Tunai sehingga RM30	77,960 pemenang
Hadiah Angpau / Duit Raya DuitNow	Pulangan Tunai RM8	2,200 pemenang

Hadiah Utama, Hadiah Saguhati, Hadiah Pengguna Baharu QR, Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut dan Hadiah Angpau / Duit Raya DuitNow hendaklah selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “**Hadiah**” dan hendaklah dipenuhi oleh CIMB mengikut cara yang dinyatakan selepas ini dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

8. Walau apa pun yang diperuntukkan dalam **Klausu 7** di atas, kategori hadiah bertajuk “**Hadiah Pengguna Baharu QR**” tersedia secara eksklusif untuk Peserta Layak yang belum melakukan sebarang transaksi

DuitNow QR Bayar-kepada-peniaga melalui aplikasi CIMB OCTO dalam enam (6) bulan sebelum tarikh pelancaran Kempen.

9. Walau apa pun yang diperuntukkan dalam **Klausula 7** di atas, kategori hadiah bertajuk “**Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut**” hanya terbuka kepada Peserta Layak yang telah menerima jemputan melalui pemberitahuan semerta tolak aplikasi CIMB OCTO daripada CIMB semasa Tempoh Kempen untuk menyertai kategori hadiah “**Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut**”
10. Tertakluk kepada **Klausula-Klausula 7, 8 dan 9** di atas, setiap Peserta Layak adalah layak untuk memenangi maksimum: -
 - a. Satu (1) Hadiah Angpau / Duit Raya DuitNow; **DAN**
 - b. Satu (1) Hadiah Pengguna Baharu QR; **DAN**
 - c. Pulangan Tunai sehingga RM30 bagi Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut; **DAN**
 - d. Satu (1) Hadiah Utama; **ATAU** Satu (1) Hadiah Saguhati,

SAHAJA sepanjang Tempoh Kempen.

Mekanik Kempen & Kriteria Penyertaan

11. Untuk berpeluang memenangi Hadiah yang dirujuk dalam **Klausula 7** di atas, Peserta Layak boleh memperoleh penyertaan (“**Penyertaan**”) dengan melengkapkan Transaksi Layak berkenaan semasa Tempoh Kempen. Setiap Hadiah mungkin tertakluk kepada syarat Transaksi Layak yang berbeza, sebagaimana yang ditentukan untuk Hadiah tersebut seperti berikut: -

Jenis Transaksi	Kategori Hadiah	Transaksi Layak	Amaun transaksi minimum setiap transaksi (RM)	Bilangan Penyertaan yang diperolehi
DuitNow QR Bayar-kepada-peniaga	Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati	Lakukan satu (1) Transaksi DuitNow QR Bayar-kepada-peniaga Layak (seperti yang ditakrifkan pada Klausula 12 di bawah) melalui Aplikasi Mudah Alih CIMB OCTO.	RM10	Satu (1) Penyertaan diperolehi bagi setiap Transaksi Layak
FPX		Lakukan satu (1) Transaksi FPX Layak (seperti yang ditakrifkan pada Klausula 12 di bawah) melalui Aplikasi Mudah Alih CIMB OCTO.	RM10	Satu (1) Penyertaan diperolehi bagi setiap Transaksi Layak
JomPAY		Lakukan satu (1) Transaksi JomPAY Layak (seperti yang ditakrifkan pada Klausula 12 di bawah) melalui Aplikasi Mudah Alih CIMB OCTO.	RM10	Satu (1) Penyertaan diperolehi bagi setiap Transaksi Layak
Tambah Nilai		Lakukan satu (1) Transaksi Tambah Nilai Layak (seperti yang ditakrifkan pada Klausula 12 di bawah) melalui Aplikasi Mudah Alih CIMB OCTO.	RM10	Satu (1) Penyertaan diperolehi bagi setiap Transaksi Layak
DuitNow QR Bayar-kepada-peniaga	Hadiah Pengguna Baharu QR	Lakukan satu (1) Transaksi DuitNow QR Bayar-kepada-peniaga Layak (seperti yang ditakrifkan pada Klausula 12 di	RM10	Tidak terpakai

		bawah) melalui Aplikasi Mudah Alih CIMB OCTO. <i>*hadiah ini akan dianugerahkan mengikut dasar tiba dahulu, layan dahulu</i>		
	Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut	Lakukan satu (1) Transaksi DuitNow QR Bayar-kepada-peniaga Layak <u>untuk tujuh (7) hari berturut-turut</u> (seperti yang ditakrifkan pada Klausula 12 di bawah) melalui Aplikasi Mudah Alih CIMB OCTO. <i>*Pemenang dipilih berdasarkan pilihan rawak</i>	RM10	Tidak terpakai
DuitNow QR Rakan-ke-rakan	Hadiah Angpau / Duit Raya DuitNow	Lakukan sepuluh (10) Transaksi DuitNow QR Rakan-ke-rakan Layak setiap minggu (seperti yang ditakrifkan pada Klausula 12 di bawah) melalui Aplikasi Mudah Alih CIMB OCTO. <i>*hadiah ini akan dianugerahkan mengikut dasar tiba dahulu, layan dahulu</i>	RM10	Tidak terpakai

12. Untuk tujuan Kempen ini, “**Transaksi Layak**” hendaklah bermaksud: -

Jenis Transaksi Layak	Penerangan
DuitNow QR Bayar-kepada-peniaga	Pembayaran yang berjaya kepada peniaga tempatan penyertaan DuitNow QR melalui fungsi ‘DuitNow QR’ dengan nilai transaksi minimum RM10.00 dalam Aplikasi Mudah Alih CIMB OCTO yang mesti dipautkan ke mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak
DuitNow QR Rakan-ke-rakan	Pemindahan dana yang berjaya kepada penerima DuitNow QR melalui fungsi ‘DuitNow QR’ dengan nilai transaksi minimum RM10.00 dalam Aplikasi Mudah Alih CIMB OCTO yang mesti dipautkan ke mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak
FPX	Pembayaran yang berjaya dengan nilai transaksi minimum RM10.00 kepada mana-mana pedagang FPX melalui CIMB Clicks (dibenarkan dengan Kelulusan SecureTAC melalui Aplikasi CIMB OCTO sahaja) menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak
JomPAY	Pembayaran bil atau invois yang berjaya dengan nilai transaksi minimum RM10.00 melalui fungsi ‘JomPAY’ dalam Aplikasi Mudah Alih CIMB OCTO. Ia termasuk kedua-dua transaksi JomPAY segera dan berjadual yang mesti dipautkan ke mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak
Tambah Nilai	Transaksi tambah nilai prabayar atau pelan internet yang berjaya dengan nilai transaksi minimum RM10.00 yang dilakukan melalui fungsi ‘Tambah Nilai’ dalam Aplikasi Mudah Alih CIMB OCTO yang mesti dipautkan ke mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak

13. Semua Transaksi Layak hendaklah dilakukan melalui Aplikasi Mudah Alih CIMB OCTO dan kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks menggunakan dana daripada mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak.

14. Penjejakan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
15. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa sebarang penentuan oleh CIMB sama ada mana-mana transaksi tertentu layak sebagai Transaksi Layak hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan sedemikian tidak akan dicabar dalam apa jua cara sekalipun.

Pemilihan Pemenang

Pemilihan Pemenang:

16. a. Hadiah Utama & Hadiah Saguhati:

- a. Untuk layak memenangi Hadiah Utama atau Hadiah Saguhati, Peserta Layak mesti mempunyai minimum empat puluh (40) Penyertaan.
- b. Pada akhir Tempoh Kempen, CIMB akan menyenarai pendek sebilangan Peserta Layak daripada kumpulan Peserta Layak yang telah memperoleh minimum empat puluh (40) Penyertaan untuk bertanding memenangi Hadiah Utama atau Hadiah Saguhati ("**Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati Berpotensi**").
- c. Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati Berpotensi yang nombor mudah alihnya didaftarkan dan dikekalkan dalam rekod CIMB akan dihubungi oleh CIMB melalui khidmat pesanan ringkas ("**SMS**"). Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati Berpotensi akan dikehendaki untuk menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membalas SMS tersebut dalam masa terpantas.
- d. Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati Berpotensi pertama yang membalas SMS dalam masa terpantas dan dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama ("**Pemenang Hadiah Utama**").
- e. Dua belas (12) Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati Berpotensi yang seterusnya yang membalas SMS dalam masa terpantas dan dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Saguhati ("**Pemenang Hadiah Saguhati**").
- f. Semua sesi soal jawab akan dinilai dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim yang dipilih oleh CIMB hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
- g. CIMB akan cuba menghubungi Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati Berpotensi pertama yang membalas SMS dalam masa terpantas dan dengan jawapan yang betul pada hari bekerja antara 8.30 pagi hingga 5.30 petang dengan maksimum tiga (3) percubaan berturut-turut dengan selang sekurang-kurangnya satu (1) jam melalui nombor mudah alih berdaftar mereka selepas tamat Tempoh Kempen. Dalam panggilan tersebut, CIMB akan:-
 - aa. memaklumkan kepada mereka tentang penyenarai-pendek mereka sebagai Pemenang Hadiah Utama Berpotensi;
 - bb. mengesahkan butiran Akaun Pelaburan e-Emas ("**eGIA**") mereka (jika Pemenang Hadiah Utama Berpotensi mempunyai akaun eGIA sedia ada); dan/atau
 - cc. meminta Pemenang Hadiah Utama Berpotensi untuk membuka akaun eGIA baharu melalui laman web CIMB Clicks tertakluk kepada pelaburan minimum 1g emas dalam tiga puluh (30) hari dari tarikh hubungan CIMB (jika Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tidak mempunyai akaun eGIA sedia ada).

- h. CASA/i yang sah adalah prasyarat untuk membuka akaun eGIA. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi hendaklah memastikan bahawa mereka membaca dan memahami semua terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai berkaitan dengan eGIA sebelum membuka akaun eGIA. Terma-terma dan syarat-syarat ini boleh didapati di www.cimb.com.my.
- i. Memandangkan bahawa Hadiah Utama akan dikreditkan ke dalam akaun eGIA Pemenang Hadiah Utama Berpotensi, Pemenang Hadiah Utama Berpotensi mesti mempunyai akaun eGIA yang sah, aktif dan sedia ada pada masa pemenuhan untuk diisytiharkan sebagai "**Pemenang Hadiah Utama**".
- j. Jika mana-mana Pemenang Hadiah Utama Berpotensi gagal memiliki akaun eGIA yang sah, aktif dan sedia ada pada masa pemenuhan, CIMB berhak sama ada untuk melucut hakkan Hadiah Utama **ATAU** menganugerahkan Hadiah Utama kepada Pemenang Hadiah Utama Berpotensi seterusnya yang telah membalas SMS CIMB dengan jawapan yang betul dan mempunyai akaun eGIA yang sah, aktif dan sedia ada. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi boleh memilih untuk menerima Hadiah Utama sebagai hadiah wang tunai bernilai setara dengan hadiah eEmas 20g, yang akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan mereka. Nilai tunai yang setara akan berdasarkan harga emas semasa pada masa pemenuhan, seperti yang ditentukan oleh CIMB. CIMB berhak untuk menentukan kaedah penilaian dan proses pemenuhan mengikut dasar dalaman.
- k. Nilai Hadiah Utama tertakluk kepada turun naik harga pasaran. CIMB akan menentukan nilai eEmas berdasarkan harga emas semasa pada masa pemenuhan hadiah. Oleh itu, nilai sebenar Hadiah Utama yang diterima oleh pemenang mungkin berbeza daripada sebarang nilai indikatif yang dinyatakan dalam bahan kempen. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, perbezaan atau perubahan yang timbul daripada perubahan dalam harga emas sebelum, semasa, atau selepas Tempoh Kempen.
- l. Hadiah Saguhati akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang Hadiah Saguhati mengikut **Klausula-Klausula 21** hingga **32** di bawah.
- b. **Hadiah Pengguna Baharu QR:**
 - i. Tujuh ribu lima ratus (7,500) Peserta Layak pertama setiap bulan yang melakukan satu (1) bayaran DuitNow QR- Bayar kepada peniaga dalam setiap bulan kempen sepanjang Tempoh Kempen akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Pengguna Baharu QR ("**Pemenang Hadiah Pengguna Baharu QR**").
 - ii. Kelayakan tersebut adalah tertakluk kepada ketersediaan peruntukan Hadiah Pengguna Baharu QR dan Hadiah Pengguna Baharu QR maksimum yang ditetapkan dalam **Klausula 10** di atas.
 - iii. Untuk mengelakkan keraguan, kategori Hadiah Pengguna Baharu QR dikhaskan sepenuhnya untuk Peserta Layak yang tidak pernah melakukan sebarang transaksi DuitNow QR Bayar-kepada-peniaga melalui aplikasi mudah alih CIMB OCTO dalam tempoh enam (6) bulan yang lalu sebelum tarikh pelancaran Kempen, seperti yang ditetapkan dalam **Klausula 8** di atas.
 - iv. Setiap penentuan Pemenang Hadiah Pengguna Baharu QR oleh CIMB adalah muktamad, mengikat dan konklusif.
- c. **Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut:**
 - i. Selaras dengan **Klausula 9** di atas, Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut terbuka kepada Peserta Layak yang menerima jemputan melalui pemberitahuan tolak aplikasi mudah alih CIMB OCTO semasa Tempoh Kempen sahaja. Peserta Layak yang tidak menerima jemputan melalui aplikasi mudah alih CIMB OCTO tidak akan layak untuk ganjaran ini, tanpa mengira sebarang Transaksi Layak lain yang dilakukan seperti yang ditetapkan dalam **Klausula-Klausula 11** dan **12** di atas.

- ii. Jumlah pulangan tunai yang diberikan adalah antara RM3 hingga RM30 selepas Peserta Layak membuat satu (1) pembayaran DuitNow QR Bayar-kepada-peniaga **selama tujuh (7) hari berturut-turut**. Peserta Layak hanya layak memenangi maksimum satu (1) Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut bagi setiap bulan.
- iii. Pada penghujung setiap dua minggu, CIMB akan memilih sembilan ribu tujuh ratus empat puluh lima (9,745) Peserta Layak yang telah melakukan satu (1) pembayaran DuitNow QR Bayar-kepada-peniaga selama tujuh **(7) hari berturut-turut** sepanjang Tempoh Kempen sebagai Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut ("**Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut**"). Setiap kitaran dua minggu mempunyai peruntukan hadiah tetap dan terhad ("**Had Dwi Mingguan**"). Apabila Had Dwi Mingguan dicapai, tiada pemenang tambahan akan dipilih untuk kitaran tersebut. Proses pemilihan ditetapkan semula pada permulaan setiap kitaran dua minggu baharu. Had Dwi Mingguan pada bilangan Pemenang Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut digambarkan di bawah:

Bulan Kempen	Minggu	Bilangan Pemenang
Februari	1 ^{hb} Februari 2026 - 15 ^{hb} Februari 2026	9,745 pemenang
	16 ^{hb} Februari 2026 - 28 ^{hb} Februari 2026	9,745 pemenang
Mac	1 ^{hb} Mac 2026 - 15 ^{hb} Mac 2026	9,745 pemenang
	16 ^{hb} Mac 2026 - 31 ^{hb} Mac 2026	9,745 pemenang
April	1 ^{hb} April 2026 – 15 ^{hb} April 2026	9,745 pemenang
	16 ^{hb} April 2026 – 30 ^{hb} April 2026	9,745 pemenang
Mei	1 ^{hb} Mei 2026 - 15 ^{hb} Mei 2026	9,745 pemenang
	16 ^{hb} Mei 2026 - 31 ^{hb} Mei 2026	9,745 pemenang

- iv. Semua keputusan yang dibuat oleh CIMB berhubung dengan proses pemilihan pemenang adalah muktamad dan mengikat, dan tiada surat-menyurat atau rayuan akan dilayan.
- v. Untuk mengelakkan keraguan, "hari berturut-turut" merujuk kepada tujuh (7) hari kalendar berturut-turut tanpa sebarang hari terlepas. Kegagalan untuk melakukan pembayaran DuitNow QR Bayar-kepada-peniaga yang Layak pada mana-mana satu (1) hari akan menetapkan semula kiraan dan pelanggan mesti memulakan kitaran tujuh (7) hari berturut-turut yang baharu untuk memenuhi keperluan ini.
- vi. Kelayakan tersebut adalah tertakluk kepada ketersediaan peruntukan Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut dan Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut maksimum yang ditetapkan dalam **Klaus 10** di atas.
- vii. Setiap penentuan Pemenang Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut oleh CIMB adalah muktamad, mengikat dan konklusif.

d. **Hadiah Angpau / Duit Raya DuitNow:**

- i. Lima ratus lima puluh (550) Peserta Layak pertama yang melakukan sepuluh (10) transaksi DuitNow QR Rakan-ke-rakan setiap minggu sepanjang dua minggu pertama Tahun Baru Cina dan dua minggu pertama Hari Raya dalam Tempoh Kempen akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Angpau / Duit Raya DuitNow masing-masing ("**Pemenang Hadiah Angpau / Duit Raya DuitNow**").
- ii. Untuk mengelakkan keraguan, tempoh kempen bagi tujuan Hadiah Angpau DuitNow akan bermula pada 17 Februari 2026 dan berakhir pada 2 Mac 2026, manakala tempoh kempen untuk tujuan Hadiah Duit Raya DuitNow akan bermula pada 21 Mac 2026 dan berakhir pada 3 April 2026.
- iii. Kelayakan tersebut adalah tertakluk kepada ketersediaan peruntukan Pemenang Hadiah Angpau / Duit Raya DuitNow dan Pemenang Hadiah Angpau / Duit Raya DuitNow maksimum yang ditetapkan dalam **Klaus 10** di atas.
- iv. Setiap penentuan Pemenang Hadiah Angpau / Duit Raya DuitNow oleh CIMB adalah muktamad, mengikat dan konklusif.

17. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, CIMB merizabkan hak untuk melucuthakkan Hadiah sekiranya bilangan Pemenang yang dipilih selepas tamat Tempoh Kempen tidak mencukupi.
18. Untuk mengelakkan keraguan, semua caj telekomunikasi hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak (termasuk sebarang caj perayauan yang ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati Berpotensi, Pemenang Hadiah Pengguna Baharu QR Berpotensi, Pemenang Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut Berpotensi dan Pemenang Hadiah Angpau / Duit Raya DuitNow Berpotensi di Malaysia yang tidak berada di dalam Malaysia pada titik komunikasi) akibat daripada CIMB menghubungi mereka dan CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk yang sama.
19. Adalah menjadi tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan bahawa alamat e-mel, alamat surat-menyurat dan nombor telefon mudah alih mereka yang didaftarkan dengan CIMB adalah terkini dan dikemas kini, dan Peserta Layak hendaklah mengemas kini serta memaklumkan CIMB sekiranya terdapat sebarang perubahan pada alamat e-mel, alamat surat-menyurat dan/atau nombor telefon mudah alih tersebut. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap Peserta Layak atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang terhasil daripadanya) yang dialami atau atas sebarang kegagalan untuk menyempurnakan penghantaran Hadiah sekiranya kerugian atau kegagalan tersebut berpunca daripada alamat e-mel, alamat surat-menyurat dan/atau nombor telefon mudah alih Peserta Layak yang tidak dikemas kini atau tidak tepat.
20. CIMB tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk memaklumkan kepada Peserta Layak sebaik sahaja jumlah keseluruhan Hadiah (seperti yang dirujuk dalam **Klausu 7** di atas) telah habis sepenuhnya pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen, sama ada sebelum atau selepas tamatnya Kempen.

Pemenuhan

21. Hadiah Utama, Hadiah Saguhati, Hadiah Pengguna Baharu QR, Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut dan Pemenang Hadiah Angpau / Duit Raya DuitNow akan secara kolektif dirujuk sebagai "**Pemenang**".
22. Walau apa pun yang terkandung di sini yang bertentangan, CIMB akan menerbitkan nama Pemenang dan nombor IC mereka (empat (4) digit terakhir) melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my.
23. Pemenang akan menerima pemberitahuan melalui e-mel dan/atau SMS dan/atau Pemberitahuan Tolak dan/atau sebarang cara pemberitahuan lain, yang boleh dipilih oleh CIMB mengikut budi bicara mutlaknya memaklumkan kemenangan mereka, Hadiah yang dimenangi, dan sebarang arahan penebusan jika berkenaan.
24. Hadiah Pemenang Hadiah Pengguna Baharu QR, Pemenang Hadiah QR 7-Hari Berturut-turut dan Pemenang Hadiah Angpau / Duit Raya DuitNow akan menerima pengkreditan Hadiah ke dalam Akaun Penyertaan mereka selewat-lewatnya pada penghujung hari berikutnya selepas tarikh pelaksanaan Transaksi Layak yang berkaitan, dan seterusnya akan dimaklumkan melalui satu atau lebih kaedah seperti yang dinyatakan dalam **Klausu 23** di atas. Dalam kes-kes luar biasa, proses ini mungkin mengambil masa sehingga dua (2) minggu. Pulangan tunai akan dikreditkan dengan keterangan berikut: CA/SA BONUS/INCENTIVE REWARD.
25. Tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, Hadiah Saguhati dan Hadiah Utama akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan dan/atau akaun eGIA Pemenang dalam tempoh enam belas (16) minggu selepas tamatnya Tempoh Kempen.
26. Untuk layak menerima Hadiah, Peserta Layak mesti mempunyai Akaun Penyertaan dan/atau akaun eGIA yang sah dan aktif di Malaysia pada titik pemenuhan Hadiah. Untuk mengelakkan keraguan, Akaun Penyertaan dan/atau akaun eGIA yang telah ditamatkan/digantung/disekat atas apa-apa sebab sekalipun pada masa pemenuhan akan dianggap sebagai "*tidak aktif*" untuk tujuan Kempen ini.

27. Nilai untuk Hadiah Utama yang akan diterima oleh Pemenang Hadiah Utama adalah tertakluk kepada harga emas pada tarikh Hadiah Utama dikreditkan ke dalam akaun eGIA Pemenang Hadiah Utama.
28. Untuk mengelakkan keraguan semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berhubung dengan Kempen dan/atau penebusan Hadiah, adalah tanggungjawab Pemenang sepenuhnya.
29. Selain itu, Akaun Penyertaan Pemenang: (a) MESTI tidak melanggar Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan/atau perjanjian yang mentadbir Akaun Penyertaan; DAN (b) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang lampiran, perintah bertentangan ('*adverse orders*') yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa lain yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan sebelum pemenuhan Hadiah, jika tidak, Hadiah yang beliau berhak kepada akan dilucutkan.
30. Hadiah tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ke-3 lain dan tidak boleh ditukar dengan Hadiah lain yang mempunyai nilai setara atau mana-mana alternatif lain. Di mana berkenaan, Hadiah hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Peserta Layak yang sah dan pengkreditan Hadiah akan ditunjukkan dalam penyata bulanan berikutnya untuk Akaun Penyertaan tersebut. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk mengkreditkan Hadiah kepada mana-mana akaun CIMBnya yang lain, atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan bank lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.
31. CIMB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang implikasi cukai yang mungkin timbul daripada Hadiah atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai yang perlu dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa akibat penerimaan Hadiah kekal sebagai tanggungjawab Pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas tentang kemungkinan implikasi yang mungkin ada pada situasi kewangannya sendiri.
32. CIMB merizabkan hak tunggal dan budi bicara mutlak untuk menggantikan mana-mana Hadiah yang diiklankan dengan hadiah yang mempunyai nilai setara atau wang tunai dalam jumlah yang setara dengan Hadiah Utama pada titik pemenuhan, jika mana-mana Hadiah tidak tersedia atas apa-apa sebab sekalipun. Jumlah nilai Hadiah yang digantikan akan kekal sama. Semua keputusan penggantian adalah muktamad dan mengikat, dan CIMB tidak bertanggungjawab atas sebarang ketidakpuasan hati akibat daripada penggantian Hadiah.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

33. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka: -
- a. dikehendaki untuk membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - b. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - c. mengesahkan bahawa terma-terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d. bersetuju kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Peserta Layak kepada CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - e. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f. bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
 - i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;

- i. kegagalan elektrik;
- ii. pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
- iii. apa-apa bencana alam ("*Act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
- iv. apa-apa faktor yang di luar kawalan munasabah CIMB.

34. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucuthakkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah: -
- a. Peserta Layak telah memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir Akaun Penyertaan dan/atau akaun eGIA Peserta Layak;
 - b. Akaun Penyertaan dan/atau akaun eGIA Peserta Layak telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau
 - c. Akaun Penyertaan dan/atau akaun eGIA Peserta Layak adalah delinkuen, tidak sah atau telah dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
35. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah: -
- a. mengganggu proses kemasukan/penyertaan/permohonan; dan/atau
 - b. bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
36. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui: -
- a. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - b. notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - c. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
 - d. melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.

37. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian, kos, atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada: -
- a. penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b. sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan oleh Peserta Layak SMS atau mana-mana bentuk komunikasi lain sebagaimana yang boleh dipilih oleh CIMB,

melainkan kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

38. a. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui: -
- i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - iii. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau

- iv. iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
- v. melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

b. Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat pada Peserta Layak dari tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan.

c. Sekiranya perubahan diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka mereka akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.

d. Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti sebarang perubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

39. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, kos atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.

40. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada: -

- a. penyertaan dalam Kempen; dan/atau
- b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah; dan/atau
- c. kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini,

oleh Peserta Layak.

41. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini: -

- a. hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
- b. dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

42. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkenaan di mana CIMB tertakluk.

43. Jika produk/perkhidmatan berkaitan Kempen ini yang telah dilanggan oleh Peserta Layak ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang pertanyaan Peserta Layak yang ada akan dikendalikan oleh CIMB Bank. Begitu juga, jika produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic Bank, kebimbangan Peserta Layak akan ditangani oleh CIMB Islamic Bank.

44. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang dimilikinya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ia tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak CIMB lain pada masa hadapan.

45. Peserta Layak bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang berkaitan dengan Kempen ini.

46. a. Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("**CRU**") untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:

Alamat: Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan

No. Telefon: +603 6204 7788

No. Faksimile: +603 2691 3248

E-mel: contactus@cimb.com

b. Peserta Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan CIMB untuk sebarang pertanyaan berkaitan Kempen ini dan Terma-Terma dan Syarat-Syaratnya di No. Telefon: +603 6204 7788 atau e-mel kepada contactus@cimb.com.

c. CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

[TAMAT]